



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj.Kami : KPM.100-6/1/99 Jld.6 (13)
Tarikh : 28 Mac 2017

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan

Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam

Pengarah
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENGEMASKINIAN DATA GURU DAN MURID DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP)
DALAM MODUL PENGURUSAN GURU (eOPERASI) DAN MODUL PENGURUSAN
MURID (APDM)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) merupakan Jawatankuasa Pengoperasian DLP yang memastikan pelaksanaan DLP di peringkat sekolah berjalan dengan lancar. Antara tanggungjawab jawatankuasa ini adalah menyelaraskan *tagging* guru dan murid DLP serta Guru Potensi DLP.

3. Bagi memastikan proses tersebut berkesan dan mencapai matlamat, tindakan pengemaskinian data guru dan murid perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah mengikut prosedur yang telah ditetapkan melalui surat KPMSP.700-4/1/2 Jld. 2(1) bertarikh 9 Januari 2017: Penetapan Prosedur Pengemaskinian dan Verifikasi Data Guru Dalam Modul Pengurusan Guru (eOPERASI) Bagi Tahun 2017. Pengemaskinian data hendaklah dilaksanakan di modul seperti berikut:

- 3.1 Modul Pengurusan Guru (eOPERASI)
- Maklumat Peringkat Kelulusan Bahasa Inggeris SPM bagi semua guru.
 - Maklumat Tamat Kursus DLP Dalam Talian Bahasa Inggeris Anjuran English Language Training Centre (ELTC).
 - Mengesahkan Guru Potensi DLP.
 - Mendaftarkan Subjek Diajar Semasa sebagai subjek DLP oleh sekolah-sekolah DLP.
- 3.2 Modul Pengurusan Murid (APDM)
- Menetapkan Tetapan Subjek Kelas bagi subjek DLP.
 - Menetapkan Tetapan DLP bagi murid yang mengambil subjek DLP oleh guru kelas.

4. Sehubungan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan dimohon untuk memaklumkan isi kandungan surat ini kepada pihak sekolah dan memastikan pengemaskinian maklumat di eOPERASI dan APDM diselesaikan sebelum **31 Mei 2017**. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan, Manual Pengguna boleh dimuat turun di <https://eoperasi.moe.gov.my> dan <https://apdm.moe.gov.my>. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Puan Azila Hanum binti Hamzah** di talian **03-88849564** atau melalui e-mel azila.hamzah@moe.gov.my.

Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"SEHATI SEJWA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

DATO' HAJI AHMAD TAJUDIN BIN JAB
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia